

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 Pendahuluan

Kajian sejarah tarikh-tarikh penting sirah Nabi Muhammad SAW merupakan satu bidang kajian yang menarik. Kita boleh mengetahui tarikh sebenar peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam dengan menyusuri kisah hidup baginda SAW dalam kitab-kitab sirah yang muktabar. Ulasan dalam kitab-kitab sirah berdasarkan ambilan daripada riwayat-riwayat dan pendapat-pendapat terdahulu yang disampaikan dalam bentuk penceritaan yang menarik dan tersusun. Secara tidak langsung dengan menyusuri kisah hidup dan perjuangan baginda SAW menambahkan lagi rasa kecintaan kita terhadap baginda SAW

Namun terdapat unsur-unsur pengamalan *al-Nasi'* yang menyebabkan wujud percanggahan pendapat dan dapatan dalam nukilan catatan tarikh peristiwa-peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW. Dengan memerhatikan dan meneliti kesahihan sesuatu nukilan yang berdasarkan pendapat yang *rājiḥ* dan boleh diterima, perbandingan dan penyesuaian tarikh boleh dilakukan dengan pengiraan takwim *Hijrī* terkini bagi mencari ketepatan tarikh.

5.2 Kesimpulan

5.2.1 Dalil-dalil al-Quran dan Hadis yang dijadikan Panduan dalam Pengiraan

Takwim *Hijrī* iaitu:

Jadual 5.1: Dapatan Dalil-Dalil Rujukan Takwim *Hijrī*

Bil	Dalil	Dapatan
1	al-Baqarah (2):185	Penentuan awal bulan Ramadan dengan rukyah
2	al-Baqarah (2):189	Fasa-fasa bulan dijadikan panduan sebagai tanda waktu bagi manusia.
3	al-Tawbah (9):36	Bilangan bulan dalam Islam ialah 12 bulan setahun.
4	al-Tawbah (9):37	Amalan <i>al-Nasi'</i> telah diharamkan oleh Allah dan terdapat empat bulan suci dalam Islam yang diharamkan berperang dalamnya iaitu bulan Muharam, Rejab, Zulkaedah dan Zulhijjah.
5	Yūnus (10):5	Pergerakan matahari dan bulan dijadikan sebagai panduan pengukuran waktu
6	al-Kahfi (18):25	Perbandingan antara takwim matahari dan takwim bulan ialah beza setiap 100 tahun Qamariyah ke tahun Syamsiah ialah 3 tahun
7	Yasin (36):39	Bentuk hilal bagi kenampakan awal bulan adalah berbentuk sabit.
8	Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Kitab al-Ṣaum”, no. 1810	Permulaan puasa Ramadan dengan melihat hilal pada malam ke 29 Syaaban, sekiranya hilal tidak kelihatan (dengan mata kasar) hendaklah menggenapkan bilangan Syaaban menjadi 30 hari.
9	Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Kitab al-Ṣaum”, no. 1807	Permulaan puasa Ramadan dengan melihat hilal pada malam ke 29 Syaaban, sekiranya hilal tidak kelihatan maka kiraan falak boleh digunakan.
10	Khutbah haji <i>wadā'</i> Nabi SAW pada 10 Zulhijjah 10H	Amalan <i>al-Nasi'</i> telah dihapuskan dan putaran waktu telah kembali semula seperti keadaannya semasa Allah menciptakan langit dan bumi.

5.2.2 Kriteria Penentuan Hilal bagi Permulaan Bulan *Hijrī*

a) Hasil sumbangan kajian ilmuan Islam dalam penentuan awal bulan dapat dirumuskan seperti berikut:

Jadual 5.2: Kajian Kriteria Kenampakan Hilal Ilmuan Islam

Bil	Tokoh	Kriteria yang diambil kira dalam penentuan hilal
1	Ya'qūb Ibn Tāriq	Lebar bulan sabit
2	Ḥabash, al-Khawārizmī, al-Farghanī dan al-Battānī	Nilai a_s berubah antara 12° (bulan sabit yang nipis) hingga 10° (bulan sabit yang lebar).
3	al-Battānī	Usia bulan melebihi 24 jam atau lengkok pemisahan 12° merupakan titik permulaan yang baik
4	Ibn Maimon	Menggunakan perbezaan dalam longitud ekliptik sebagai pengukuran kecerahan bulan dan waktu lag sebagai pengukuran kegelapan langit.
5	Muhammad Ilyas	Kaedah memplot graf berdasarkan cerapan yang sedia, umur bulan ≥ 22 jam menggunakan mata kasar adalah ideal, membangunkan kriteria susulan waktu tempatan antara bulan terbenam dengan matahari terbenam (lag), elongasi mesti sekurang-kurangnya 10.5°

b) Kriteria Hilal yang digunakan oleh kebanyakan Negara-Negara Islam .

Jadual 5.3: Kriteria Hilal yang digunakan dalam Negara-Negara Islam

Tahun	Kriteria	Kriteria Hilal
1	Umm al-Qura	Hilal dapat dilihat oleh saksi apabila bulan terbenam selepas matahari terbenam atau pengiraan dilakukan bergantung kepada bulan terbenam selepas matahari terbenam pada akhir bulan dengan mengambil kira koordinat Kaabah dan anak bulan baru telah lahir (ijtimak) sebelum matahari terbenam pada koordinat Kaabah.
2	Imkanur-Rukyah	Ketika matahari terbenam, ketinggian hilal di atas ufuk tidak kurang daripada 2° dan jarak lengkung tidak kurang daripada 3° atau umur hilal tidak kurang daripada 8 jam (selepas ijtimak berlaku) sehingga bulan terbenam.
3	Yallop	Waktu terbaik T_B bagi kenampakan hilal ialah: $T_B = T_S + (4/9) LAG$ Dimana, T_S = waktu matahari terbenam LAG = perbezaan waktu antara bulan terbenam (T_M) dan matahari terbenam (T_S)
4	Odeh	Ramalan kenampakan hilal menggunakan persamaan yang berikut: $V = ARCV - (-0.1018W^3 + 0.7319W^2 - 6.3226W + 7.1651)$ Dimana $ARCV$: Tanpa udara dan kelengkungan toposentrik penglihatan dalam darjah; W: lebar toposentrik hilal dalam arka minit

5.2.3 Keseragaman Takwim *Hijrī* Antarabangsa

Pelbagai usaha dan kajian telah dilakukan bagi menyeragamkan takwim bulan di peringkat antarabangsa. Usaha-usaha tersebut telah dilakukan oleh Ilyas (Malaysia) Nidhal Guessoum (UAE), Mohammad Shawkat Odeh (Jordan), Jamāl al-Din ‘Abd al-Rāziq (Morocco) dan Khalid Shawkat (Amerika Syarikat).

Namun, kalendar keseragaman tarikh Islam tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh berikutan tiada lagi kesepakatan di antara negara Islam dalam memutuskan kriteria dan kaedah keseragaman yang praktikal dan boleh diterima umum. Justeru itu, pengkaji mendapati penyelarasan kriteria hilal perlu ditentukan dengan rukyah dan kiraan bagi mendapatkan tarikh yang sama di peringkat antarabangsa.

5.2.4 Tarikh Awal Dunia

Tarikh pertama dicatatkan ialah sempena peristiwa Nabi Adam a.s dikeluarkan dari syurga dan diturunkan ke bumi. Kemudian, catatan tarikh diambil sempena pengutusan nabi-nabi, kematian ketua-ketua yang berpengaruh dalam satu masyarakat atau kaum. Selain itu, peristiwa-peristiwa besar dalam sejarah turut dijadikan rujukan tarikh seperti banjir besar semasa zaman Nabi Nuh a.s, kegemilangan kerajaan Sulaiman a.s, tempoh masa *aṣḥāb al-Kahfi* ditidurkan dalam gua, peristiwa pembinaan Kaabah dan hijrah Rasulullah SAW ke Madinah.

5.2.5 Perbezaan Dapatan Tarikh Sepuluh Peristiwa Penting dalam Sirah Muhammad SAW.

Percanggahan tarikh peristiwa-peristiwa penting sirah Nabi Muhammad SAW adalah disebabkan oleh:

- i. Kebanyakan sejarawan dan penulis biografi sirah Muhammad SAW mencatatkan pelbagai pendapat dan riwayat yang berbeza dalam satu peristiwa.
- ii. Terdapat peristiwa tertentu yang tidak dinyatakan tarikh dengan terperinci tetapi hanya menyatakan tahun peristiwa tersebut berlaku seperti dalam peristiwa perkahwinan Rasulullah SAW dengan Khadijah serta perkahwinan baginda SAW dengan ‘Āi’shah.
- iii. Amalan *al-Nasi’* dalam sejarah takwim Qamariyah menyebabkan catatan tarikh sebelum peristiwa haji *wadā’* Nabi SAW tidak dapat dicatatkan dengan tepat. Manakala amalan *intercalation* dalam sejarah takwim Masihi menyebabkan berlaku anjakan dalam kalendar yang membawa kepada perbezaan dalam catatan tarikh sejarah. Bagi pengkaji istilah *al-Nasi’* dan *intercalation* adalah sama, kerana kedua-duanya membawa kepada manipulasi tarikh bagi tujuan dan kepentingan tertentu walaupun cara yang digunakan adalah berbeza.

- iv. Kebanyakan dapatan hari dalam satu peristiwa adalah sama dan tiada percanggahan berbanding haribulan, bulan dan tahun peristiwa itu berlaku. Oleh itu, dalam kajian ini hari adalah kriteria utama dalam penyesuaian tarikh yang lebih tepat dan tiada anjakan.
- v. Kajian-kajian terbaru berkaitan tarikh beberapa peristiwa dalam sirah Nabi SAW yang dibuat oleh kebanyakan ahli falak adalah dengan menggunakan kaedah pengunduran sistem takwim Qamariyah tulen tanpa *al-Nasi'* bermula tahun 10H sebagai rujukan.

5.2.6 Rumusan Kitab Sirah Muhammad SAW

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan tiga rujukan kitab sirah Nabi SAW yang muktabar iaitu kitab *al-Sīrah al-Nabawīyyah* karya Ibn Hishām (213H) kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* karya al-Ṭabarī (310H) serta kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* karya Ibn Kathīr (774H). Namun dari segi kesahihannya kitab Ibn Kathīr lebih berautoriti kerana penulisan beliau mencatatkan ambilan tarikh daripada pendapat-pendapat yang *rājiḥ* seperti Ibn ‘Abbās, al-Wāqidī, al-Bukhārī dan al-Baihaqī. Manakala, Ibn Hishām dan al-Ṭabarī banyak mencatatkan ambilan tarikh daripada Ibn Ishāq. Kredibiliti Ibn Ishāq dipertikaikan kerana beliau adalah seorang tokoh yang kontroversi dari segi periwayatannya. Namun, dapatan tarikh sirah Nabi SAW ambilan dari Ibn Ishāq masih boleh dipertimbangkan dan diterima selagi mana ia tidak membabitkan akidah.

5.2.7 Kronologi Dapatan Tarikh Sepuluh Peristiwa Penting dalam Sirah

Muhammad SAW.

Berdasarkan kajian dan penelitian yang telah dilakukan dalam kajian ini, pengkaji merumuskan dapatan tarikh 10 peristiwa penting dalam sirah Rasulullah SAW seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 5.4: Kronologi dapatan tarikh 10 peristiwa penting dalam sirah Nabi Muhammad SAW

Bil	Peristiwa	Tahun <i>Hijrī</i>	Tahun Masihi	Hari /Tempat
1	Kelahiran Muhammad SAW	3 Rabiulawal 52SH	13 April 571M	Isnin Mekah
2	Perkahwinan Muhammad SAW dengan Khadijah	Rabiulawal 27SH	Julai 595M	Mekah
3	Muhammad SAW diutus menjadi Nabi	15 Ramadan 12SH	10 Ogos 610M	Isnin Mekah
4	Peristiwa Israk dan Mikraj	27 Rejab 2SH	7 Mac 620M	Jumaat Mekah
5	Perkahwinan Rasulullah SAW dengan ‘Āi’shah	Syawal 2SH	Mei 620M	Mekah
6	Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah	2 Rabiulawal 1H	13 September 622M	Isnin Madinah
7	Solat Jumaat Pertama Rasulullah SAW di Madinah	20 Rabiulawal 1H	1 Oktober 622M	Jumaat Madinah
8	Hari kematian Ibrahim ketika Gerhana Matahari	30 Syawal 10H	27 Januari 632M	Sabtu Madinah
9	Hari Wukuf ketika Haji <i>Wadā’</i>	9 Zulhijjah 10H	6 Mac 632M	Jumaat Mekah
10	Kewafatan Rasulullah SAW	1 Rabiulawal 11H	25 Mei 632M	Isnin Madinah

5.3 Saranan

JAKIM dan Jabatan Mufti Negeri disaran agar mengkaji dan menyemak semula tarikh-tarikh hari kebesaran dalam Islam bagi memastikan hari-hari tersebut diraikan pada waktu yang sepatutnya. Penyelidikan sirah Nabi SAW perlu dipergiatkan dan diperluaskan dalam mengharmonikan sirah Nabi Muhammad SAW supaya maklumat yang tepat dapat disalurkan kepada masyarakat. Kefahaman penggunaan takwim *Hijrī* perlu diperluaskan dan tidak terbatas dalam urusan hari-hari kebesaran Islam sahaja.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) perlu memperbaiki sukatan dan silibus pembelajaran pendidikan Islam dalam sirah Nabi Muhammad SAW seperti tarikh kelahiran baginda, tarikh hijrah baginda serta tarikh kewafatan baginda yang menyatakan tarikh-tarikh tersebut berlaku pada 12 Rabiulawal sedangkan kajian semasa menunjukkan sebaliknya. Selain itu, penekanan penggunaan takwim *Hijrī* perlu digalakkan semenjak peringkat sekolah rendah bagi menggalakkan penggunaan kalendar Islam dalam kalangan generasi muda.

Perlunya kesepakatan antara negara-negara Islam dalam membentuk satu kriteria hilal yang disepakati, kerajaan Arab Saudi selaku tuan rumah tempat ibadat seluruh umat Islam perlu terbuka dalam penerimaan kriteria hilal yang telah disepakati oleh kebanyakan negara-negara Islam agar sambutan awal Ramadan, awal Hari Raya Puasa, awal Hari Raya Korban serta hari wukuf dapat disambut selaras di seluruh dunia.

Antara langkah permulaan yang boleh diambil oleh MABIMS dalam menyelaraskan kriteria hilal takwim Islam ialah, kriteria Imkanur-rukyah perlu diperkembangkan pada rakan asia tenggara yang lain seperti Thailand, Kemboja, Laos, Myanmar, Vietnam dan Filipina.

Ahli-ahli feqah perlu bergabung dengan ahli-ahli astronomi dalam memutuskan sebarang keputusan berkaitan penentuan awal bulan Islam. Selain itu, seminar dan muzakarah falak perlulah diadakan secara konsisten sehingga kesepakatan kriteria hilal dapat dihasilkan bersama.

Buat pembaca atau pelajar yang berminat meneruskan kajian ini, disarankan supaya meneliti kitab-kitab sirah secara konsisten dan mendapatkan bantuan pakar dalam bidang sejarah Islam dan kiraan Astronomi. Ini bagi memastikan ambilan catatan tarikh yang diperolehi dapat disaring dan diproses dengan lebih sistematik dan betul. Penguasaan bahasa Arab amat penting memandangkan rujukan kitab-kitab sirah Nabi Muhammad SAW yang muktabar dinukilkan dalam bahasa Arab, justeru pengkaji digalakkan *talaqqi* kitab dengan guru-guru agama bagi memastikan terjemahan dan maksud sebenar yang disampaikan dalam kitab-kitab tersebut tercapai selain dapat mengenalpasti pendapat-pendapat yang boleh diterima dan ditolak.

5.4 Penutup

Ambilan dapatan daripada sumber-sumber dan pendapat-pendapat yang *rājih* dan berautoriti sangat dititikberatkan dalam kajian ini supaya dapat memberikan kesempurnaan dalam penyesuaian tarikh-tarikh penting sirah Nabi SAW berdasarkan pengiraan takwim *Hijrī* terkini. Diharapkan semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada umat Islam.